**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 23 MEI 2018 (RABU)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| - Penguatkuasaan PBT lemah? | 26 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>23 MEI 2018 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Penguatkuasaan PBT lemah? |
| Muka Surat | 26 |



UTUSAN MALAYSIA

MUKA 26

RABU • 23.05.2018

kota@utusangroup.com.my

# UTUSAN KOTA

**Unit Berita Kota**
44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

KAMI PANTAU KHIDMAT ANDA

TINDAKAN segelintir peniaga bazar membuang sisa makanan di bahagian belakang tapak bazar menggambarkan sikap mementingkan diri.

PIHAK berkuasa tempatan perlu melakukan pemantauan di setiap lokasi bazar Ramadan bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan ditetapkan.

SEORANG peniaga menanti kedatangan pengunjung di Bazar Ramadan Setiawangsa, Kuala Lumpur, semalam. – UTUSAN/HISYAM AZREN IBRAHIM

PEMATUHAN kepada aspek kebersihan dan kepelbagaian juadah di Bazar Ramadan Taman Puchong Prima, Puchong, Selangor antara faktor yang menjadi tarikan orang ramai berkunjung untuk membeli-belah juadah berbuka di bazar berkenaan. – UTUSAN/ANWAR FAIZ AHMAD TAJUDIN

**REAKSI**

*PATUH PERATURAN*

SEBELUM sesebuah bazar Ramadan dibenarkan beroperasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur perlu memastikan lokasinya bersesuaian termasuk keadaan jalan yang sempurna bagi memberi keselesaan kepada pengunjung."

**MUHAMMAD AKMAL HASSAN**
Peniaga

MAJLIS Perbandaran Subang Jaya perlu menyediakan lebih banyak tong sampah di tapak bazar Ramadan kendaliannya kerana tong dibekalkan tidak mencukupi bagi menampung sampah yang terlalu banyak selepas selesai berniaga."

**YUSRI RAHIM**
Peniaga

PIHAK berkuasa tempatan perlu menempatkan anggota mereka di setiap lokasi bazar bagi memantau operasi sepanjang Ramadan bagi mengelakkan peniaga mengingkari peraturan ditetapkan."

**AMIRA AMRAN**
Pengunjung

Peniaga bazar Ramadan ingkar, gagal patuhi peraturan

# Penguatkuasaan PBT lemah?

**Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN dan SYED MOHD. HAZIQUE SYED NOR**
kota@utusangroup.com.my

■ **KUALA LUMPUR 22 MEI**

KEWUJUDAN bazar Ramadan antara lain bertujuan memudahkan orang ramai membeli-belah juadah untuk berbuka puasa selain menambah pendapatan kepada peniaga.

Namun kegagalan segelintir peniaga mematuhi peraturan ditetapkan pihak berkuasa tempatan sekali gus memberi gambaran negatif kepada tujuan utama penganjuran bazar berkenaan.

Ini termasuk menarik minat pelancong luar untuk merasai dan melihat sendiri keunikan budaya negara terutama melalui kepelbagaian makanan.

Selain menjual tapak kepada pihak ketiga, kegagalan mematuhi aspek kebersihan, mempamerkan lesen serta meletakkan tanda harga antara kesalahan yang kerap dilakukan peniaga.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Bazar Ramadan Setiawangsa, di sini mendapati hampir 55 peratus peniaga gagal mempamerkan lesen perniagaan serta mengabaikan aspek kebersihan apabila peniaga termasuk pembantu tidak memakai apron.

Peniaga juga didapati mengabaikan aspek kebersihan persekitaran apabila longgokan sampah memenuhi ruang belakang tapak niaga.

Memburukkan lagi keadaan apabila laluan keluar masuk ke bazar berkenaan juga didapati tidak sempurna, dipenuhi debu sekali gus menimbulkan persoalan apakah juadah yang dijual benar-benar selamat untuk dimakan.

Berdasarkan pemerhatian, tindakan berani segelintir peniaga mungkin disebabkan kelemahan penguatkuasan pihak PBT sendiri.

Ini kerana sepanjang tinjauan tiada kelibat anggota penguat kuasa kelihatan di tapak bazar berkenaan. Apa yang didapati hanya anggota Rela yang ditugaskan mengawal lalu lintas kawasan itu.

Berbeza situasi di tapak bazar Ramadan Taman Puchong Prima, Puchong, Selangor dilihat lebih bersistematik, teratur dan mesra pengunjung. Selain lokasi strategik, kepelbagaian juadah yang dijual serta keseragaman khemah yang dipasang menambah kemeriahan bazar.

Rata-rata peniaga juga didapati mematuhi peraturan ditetapkan terutama dalam aspek kebersihan.

Sehubungan itu, pihak PBT diminta lebih tegas terhadap peniaga bazar yang ingkar terhadap peraturan ditetapkan termasuk menarik balik lesen.

PERMUKAAN jalan yang tidak rata dan berdebu menimbulkan rasa kurang selesa kepada pengunjung di Bazar Ramadan Setiawangsa, Kuala Lumpur.

## MPSJ tubuh J3P tangani peniaga bazar ingkar peraturan

**MAKLUM BALAS**

**PUCHONG 22 Mei** – Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengambil pendekatan secara berhemah dengan memberikan notis peringatan dan teguran kepada peniaga bazar Ramadan kendaliannya.

Pengarah Jabatan Pelesenan MPSJ, Muhammad Azli Miswan berkata, langkah ini bagi memastikan kesemua peniaga mematuhi peraturan ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Menurutnya, penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penggerak Peniaga (J3P) di setiap bazar kendaliannya juga antara faktor kejayaan PBT itu berjaya menangani peniaga ingkar.

"J3P yang dianggotai peniaga itu sendiri akan dibantu anggota MPSJ yang ditempatkan di kesemua bazar.

"Penglibatan peniaga dalam J3P bagi memastikan mereka dapat memberi teguran kepada rakan-rakan peniaga yang lain dan pendekatan ini ternyata berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika diminta mengulas berhubung terdapat segelintir peniaga bazar Ramadan yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan PBT.

Terdahulu beliau hadir dalam program Pelancaran Bazar Ramadan Mampan MPSJ di tapak Bazar Ramadan, Taman Puchong Prima, di sini yang disempurnakan oleh Yang Dipertua MPSJ, Noraini Roslan.

Sementara itu mengulas mengenai J3P Noraini berkata, ia merupakan pendekatan baharu yang diambil MPSJ dalam aspek pengurusan dan kebersihan di tapak bazar kendalian mereka.

Menurutnya, peniaga yang menganggotai J3P juga secara tidak langsung menjadi mata telinga kepada MPSJ.

"Penglibatan peniaga dalam J3P ternyata lebih memudahkan pihak majlis melaksanakan tanggungjawab.

"Kita tidak boleh panggil negara kita sebuah negara maju sekiranya terpaksa menjalankan tugas penguatkuasaan sepanjang masa sebaliknya perlu penglibatan masyarakat," katanya.